Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah

جامعة السلطان عبد الحليم معظم شاه الإسلامية العالمية

Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah International Islamic University

# IKLAN JAWATAN JURULATIH KURSUS KOKURIKULUM 2018

**PUSAT KOKURIKULUM (PKK)**
**Universiti Islam Antarabangsa**
**Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah**
**(UniSHAMS)**

**'Melestarikan Ilmu Melalui Kebijaksanaan'**

Pusat Kokurikulum (PKK) mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan sebagai jurulatih sambilan (JS) bagi Kursus Kokurikulum Berkredit di Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS).

| | **JAWATAN** | **KURSUS KOKURIKULUM** |
|---|---|---|
| **KEKOSONGAN JAWATAN** | **JURULATIH** | **Unit Kesenian Islam:**<br>Seni Kaligrafi Khat, Tahsin Al-Quran, Seni Al-Quran dan Seni Marhaban,Berzanji & Burdah.<br><br>**Unit Badan Beruniform :**<br>Askar Wataniah, Pergerakan Puteri Islam Insaniah, Kelana Siswa, Briged Bomba,Siswa Siswi Pertahanan Awam (SISPA) JPAM dan Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM).<br><br>**Unit Pengucapan Awam:**<br>Kepimpinan, Pembimbing Rakan Sebaya (PRS), Pengurusan Masjid & Dakwah, Debat Bahasa Melayu, Debat Bahasa Inggeris da Debat Bahasa Arab.<br><br>**Unit Bela Diri :**<br>Seni Silat Gayong Harimau Hitam, Karate-Do dan Silat Cekak Ustaz Hanafi. |
| **SYARAT KELAYAKAN DAN PENGALAMAN** | 1. Mempunyai sijil pengiktirafan/perakuan sebagai Jurulatih/Pengajar dalam bidang berkaitan dari badan/organisasi berkaitan.<br><br>2. **ATAU** memiliki pengalaman sekurang-kurangnya 1 tahun sebagai jurulatih/pengajar/pengamal dalam bidang berkaitan yang diperakui oleh badan/organisasi terlibat.<br><br>3. **DAN** memiliki mana-mana kelulusan berikut:<br>a) Diploma dalam bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negara yang diiktiraf atau kelayakan diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; **ATAU**<br>b) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan diiktiraf dengannya oleh Kerajaan; **ATAU**<br>c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.<br><br>4. Mencapai keputusan Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelulusan diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.<br><br>5. Mempunyai kebolehan dan pengalaman sebagai pengajar dalam bidang berkaitan serta telah menunjukkan bakat kepimpinan, ketrampilan, dan tahap kompentensi yang tinggi atau pernah mewakili mana-mana pertubuhan/persatuan berkaitan di peringkat negeri/kebangsaan atau antarabangsa.<br><br>6. Bertanggungjawab dan dapat memberi komitmen tinggi terhadap tugas mengendalikan kelas kokurikulum.<br><br>7. Mempunyai tahap kesihatan yang baik. | |

<table>
<tr><td rowspan="3">ELAUN DAN KEMUDAHAN</td><td>BUTIRAN</td><td>Jurulatih</td></tr>
<tr><td>Bayaran Jam Pengajaran</td><td>Sesi pengajaran - RM 40.00/jam - had maksimum: 2 jam/kursus</td></tr>
<tr><td>Elaun Perjalanan</td><td>RM 50 setiap pertemuan</td></tr>
<tr><td>BIDANG TUGAS</td><td colspan="2">1. Melaksanakan aktiviti pengajaran dan pengajaran kursus kokurikulum selaras dengan modul dan silibus serta kaedah yang ditetapkan bagi tempoh 14 minggu pengajaran (setiap sesi akademik) iaitu satu (1) sesi setiap minggu selama 2 jam setiap sesi pengajaran.<br><br>2. Membuat penilaian dan pemarkahan prestasi pelajar serta penentuan gred pencapaian bagi Kursus Kokurikulum yang ditetapkan.<br><br>3. Melaksanakan tugas dan arahan yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Pengarah Pusat Kokurikulum (PKK).</td></tr>
<tr><td>TEMPOH PELANTIKAN</td><td colspan="2">Tempoh pelantikan sebagai Jurulatih Sambilan ini adalah selama satu (1) semester pengajian.</td></tr>
<tr><td>KAEDAH PERMOHONAN</td><td colspan="2">1. Pemohon dikehendaki memohon secara atas talian (online) di laman web http://syskuin.unishams.edu.my/rekrut.<br><br>2. Permohohonan yang lengkap hendaklah dicetak dan dihantar bersama dengan mengemukakan sekeping gambar berukuran passport, Salinan sijil-sijil berkaitan yang disahkan berserta Wang Pos bernilai RM5.00 di atas nama Bendahari Kolej Universiti INSANIAH. Borang dan dokumen berkenaan hendaklah dipos/dihantar ke alamat berikut:<br><br>Pengarah<br>Pusat Kokurikulum (PKK)<br>Universiti Islam Antarabangsa<br>Sultan Abdul Halim Mu’adzam Shah (UniSHAMS)<br>09300 Kuala Ketil<br>Kedah Darul Aman<br><br>3. Permohonan hendaklah dihantar menggunakan sampul bersaiz A4 dan menuliskan nama jawatan bagi kursus kokurikulum yang dipohon di penjuru atas sebelah kanan sampul berkenaan.<br><br>4. Pemohon yang berjaya disenarai pendekkan akan dihubungi dalam tempoh 6 bulan dari tarikh tutup iklan jawatan ini.</td></tr>
<tr><td>TARIKH TUTUP</td><td colspan="2">Permohonan hendaklah diterima oleh Pusat Kokurikulum (PKK) selewatnya pada 31 Disember 2018.</td></tr>
</table>